

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 26/10/2010

ETP tidak sama pelan terdahulu - PM

JM-26/10/2010



PROGRAM TRANSFORMASI EKONOMI

KUALA LUMPUR 25 Okt. - Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan, Program Transformasi Ekonomi (ETP) adalah sesuatu yang tidak pernah dilakukan kerajaan sebelum ini malah tidak menyamai mana-mana pelan pembangunan terdahulu.

Perdana Menteri yang menyifatkannya sebagai satu titik gemilang dalam keluk pembangunan negara menjelaskan, ETP adalah satu program dan bukannya satu pelan.

"Perbezaan yang ketara di sini adalah ETP mengandungi projek spesifik dan tindakan khusus siap dengan tempoh masa, pemilik projek dan pengukuran prestasinya.

"Program ini mengandungi 131 Projek Permulaan (EPP), 12 laporan makmal dan 60 peluang perniagaan kesemuanya untuk mewujudkan 3.3

juta pekerjaan tambahan," katanya sewaktu melancarkan Buku Hala Tuju ETP di sini hari ini.

ETP yang menjadi pelengkap agenda transformasi pentadbiran Najib menggariskan 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) untuk menggerakkan Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, turut membezakan ETP dengan inisiatif kerajaan yang lain adalah

ia berasaskan pada Pendapatan Negara Kasar (GNI) dengan sasaran per kapita RM46,500 (AS\$15,000) pada 2020.

Katanya, dalam tempoh 10 tahun akan datang, sebanyak 131 EPP dan 60 peluang perniagaan yang terkandung dalam ETP masing-masing akan menjana GNI tambahan sebanyak RM427.8 (AS\$138) bilion dan RM347.2 (AS\$112) bilion.

"Apabila disatukan dengan pertumbuhan organik hasil daripada NKEA dan bukan NKEA, jumlah GNI pada 2020 dianggarkan mencapai RM1.62 trilion (AS\$523 bilion)," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, ETP merupakan satu program yang dibentuk bersama sektor swasta melalui pendekatan terbuka serta telus selain mesra pasaran dan

berdasarkan merit serta keperluan.

Beliau berkata, bagi memperkukuhkan ketelusan dan mengambil kira pandangan rakyat, butiran dan program ETP telah dipamer dan dibincangkan bersama lebih 13,000 rakyat menerusi Hari Terbuka yang telah dianjurkan.

"Hala tuju ETP boleh didapati dengan mudah oleh rakyat dan jika ada kontrak kerajaan diberi, kita akan menyiarkannya di laman web kerajaan," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, ETP juga akan mengubah peranan kerajaan daripada menjadi pembiaya kewangan kepada pemudah cara bagi mengurangkan perbelanjaan sektor awam.

Malah kata beliau, 92 peratus daripada pelaburan untuk ETP adalah

daripada sektor swasta dengan 73 peratus daripadanya disumbangkan oleh Pelaburan Terus Domestik (DDI).

Beliau dalam pada itu turut menjelaskan, ETP bersifat inklusif bagi membolehkan setiap rakyat merasa impak positif pelaksanaan projeknya walau sedikit mana sekalipun.

"Kesemua 131 EPP ini merentasi seluruh pelosok negara dengan 68 EPP akan memberi manfaat kepada Sarawak manakala 71 EPP lagi akan memberi manfaat kepada Sabah.

"Sebanyak 106 EPP akan membawa manfaat kepada komuniti bandar manakala 25 EPP akan memberi manfaat terus kepada masyarakat luar bandar selaras dengan nisbah penduduk bandar dan luar bandar," katanya.